

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (21)

24 Januari 2022
21 Rabiulakhir 1443

PEKELILING AKADEMIK BIL. 01/2022 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Bil.4/2021/2022 secara edaran pada 21 Januari 2022 telah meluluskan **Cadangan Kaedah Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Semasa Pandemik** seperti berikut :-

- i. Kursus yang tidak memerlukan aktiviti makmal/praktikal/hands-on dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian.
- ii. Kursus yang memerlukan aktiviti makmal/praktikal/hands-on/khemah ukur/studio boleh dilaksanakan secara dalam talian/bersemuka tertakluk kepada kelulusan semasa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- iii. Penyelidikan di makmal bagi program prasiswazah (Projek Tahun Akhir) boleh dilaksanakan secara bersemuka.
- iv. Penyelidikan di makmal bagi program pascasiswazah dilaksanakan secara bersemuka.
- v. Penyeliaan bagi Projek Tahun Akhir, pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah diteruskan secara dalam talian.
- vi. Latihan Industri bagi pelajar adalah mengikut ketetapan tempat Latihan Industri.

Cadangan bagi kaedah pentaksiran pula adalah seperti berikut :-

- i. Kaedah pentaksiran formatif dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian.
- ii. Pentaksiran sumatif iaitu bagi peperiksaan akhir dilaksanakan dengan empat (4) pilihan alternatif iaitu :-
 - a. Pentaksiran alternatif secara dalam talian (contoh: *project-based assessment, open book problem-based assessment, open book exam*).
 - b. Pentaksiran tradisional secara dalam talian.
 - c. Pentaksiran secara dalam talian dengan pemantauan fizikal oleh pengawas peperiksaan.
 - d. Peperiksaan Akhir secara Tradisional (*paper and pen/pencil*) bagi program dan kursus yang telah dikenalpasti oleh Fakulti yang melaksanakan sesi P&P secara bersemuka dan tertakluk kepada pindaan semasa Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- iii. Program akademik yang melibatkan akreditasi dari badan profesional boleh melaksanakan peperiksaan akhir secara bersemuka tertakluk kepada pindaan semasa Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- iv. Peperiksaan Lisan (Viva, Proposal defense, FYP) dilaksanakan secara dalam talian.

Pergerakan masuk pelajar ke kampus adalah tertakluk kepada berikut :-

- i. Pelajar boleh mengetahui kaedah P&P bagi setiap kursus yang diambil bagi setiap semester melalui portal MyUTM masing-masing.
- ii. Pelajar boleh merancang masuk ke kampus melalui ketetapan dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).
- iii. Kategori pelajar yang diberi keutamaan untuk kembali ke kampus adalah seperti berikut:-
 - a. Pelajar yang menjalani Latihan Industri di UTM.
 - b. Pelajar yang mempunyai keperluan masuk kampus dengan ketetapan KPT yang memerlukan pertemuan fizikal (contoh: menduduki peperiksaan badan profesional, projek tahun akhir di makmal).
 - c. Pelajar yang berstatus Tidak Selesai (TS)
 - d. Pelajar program penyelidikan Pasca Siswazah.
 - e. Pelajar Kemasukan Semester I Sesi 2020/21 (dicadangkan kemasukan secara berperingkat mengikut Fakulti).
 - f. Pelajar Kemasukan Semester I Sesi 2021/22 (dicadangkan kemasukan secara berperingkat mengikut Fakulti).
 - g. Pelajar terjejas yang memerlukan ruang pembelajaran kondusif.

Sekian, harap maklum.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD ALI)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pendaftar
- Bendahari
- Dekan
 - Fakulti Alam Bina dan Ukur
 - Fakulti Kejuruteraan
 - Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - Fakulti Sains
 - Fakulti Teknologi dan Informatik Razak
 - Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim
 - Malaysia-Japan International Institute of Technology
- Pengurusi
 - Institut Siswazah Tersedia Kehidupan (UTM iLeaGue)
 - Sekolah Pengajian Siswazah
 - Sekolah Kejuruteraan Awam
 - Sekolah Kejuruteraan Elektrik
 - Sekolah Kejuruteraan Mekanikal
 - Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga
 - Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
 - Sekolah Komputeran
 - Sekolah Pendidikan
 - Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi
 - Akademi Tamadun Islam
 - Akademi Bahasa
 - Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan(SPACE)
- Pengarah
 - Pusat Pemajuan Dalam Pendidikan Digital dan Fleksible (UTM CDex)
 - Pusat Perkhidmatan Digital (UTM Digital)
 - Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRIM)
- Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Pendaftar, Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD)
- Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.01/10.12/31 (21)

24th January 2022

ACADEMIC CIRCULAR NO. 01/2022 TEACHING AND LEARNING METHODS DURING PANDEMIC

The University Senate Meeting No. 4/2021/2022, with reference to the circulation dated 21 January 2022, has approved the Proposed Method of Implementation of Teaching and Learning (T&L) During the Pandemic as follows:-

- i. Courses that do not require laboratory/practical/hands-on activities are implemented entirely online.
- ii. Courses that require laboratory/practical/hands-on/survey-tent/studio activities can be implemented online/face to face subject to the current approval of the Ministry of Higher Education (MOHE) and the National Security Council (NSC).
- iii. Laboratory research for undergraduate programs (Final Year Project) can be carried out face to face.
- iv. Laboratory research for postgraduate programs is conducted face -to -face.
- v. Supervision for Final Year Projects, Masters and Doctor of Philosophy studies continues to be conducted online.
- vi. Industrial Training for students is in accordance with the regulations of the company where the students undergo the industrial training.

Suggestions for the assessment methods are as follows:

- i. The formative assessment methods will be implemented entirely online.
- ii. The final examination will be implemented via four (4) alternative methods as listed below :-
 - a. Alternative online assessment (example: project-based assessment, open book problem-based assessment, open book exam)
 - b. Traditional online assessments.
 - c. Online assessment with physical monitoring by the invigilator.
 - d. Traditional Final Examination (paper and pen/pencil) for programs and courses that conduct face-to-face T&L sessions as determined by the faculty, subject to current amendments made by the National Security Council and the Ministry of Higher Education.
- iii. Academic programs that involve accreditation from professional bodies will be allowed to conduct face-to-face final examinations, subject to current amendments made by the National Security Council and the Ministry of Higher Education.
- iv. The Oral Examination (Viva, Proposal defense, FYP) will be conducted online.

The following are the information on students' movement :-


- i. Students may search for the T&L methods information for each course taken through their respective MyUTM portals.
- ii. Students are advised to refer to the rules and procedures set by the Department of the Deputy Vice Chancellor for Student Affairs if they plan to enter the campus.
- iii. The categories of students who are given priority to return to campus are as follows:
 - a. Students undergoing Industrial Training at UTM.
 - b. Students who have the need to enter the campus due to physical meeting requirements (example: sitting for a professional body examination, final year project in the laboratory) in accordance with MOHE stipulation.
 - c. Students with 'Tidak Selesai' Status (TS)
 - d. Students of postgraduate research programs.
 - e. Students for Semester I Session 2020/21 admission (proposed admission in stages according to the Faculty).
 - f. Students for Semester I Session 2021/22 admission (proposed admission in stages according to the Faculty).
 - g. Affected students who need a conducive learning space.

Thank you.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust



(PROF. SR DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD ALI)

Deputy Vice Chancellor (Academic and International)
Universiti Teknologi Malaysia